



07 JAN, 2023

Tidak tertakluk Perintah Kastam

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Tidak tertakluk Perintah Kastam

Kuala Lumpur: Pengharaman rokok elektronik (e-rokok) atau vape di kedua-dua negara jiran Singapura dan Thailand menyebabkan ada rakyat serta sindiket di negara ini menyeludup alatan itu bagi pasaran gelap di negara berkenaan.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pematuhan), Datuk Sazali Mohamad berkata, peranti e-rokok dan bukan elektronik tidak tertakluk kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import dan Eksport).

Bagaimanapun ujar beliau, ada pihak yang mengambil peluang mengaut keuntungan bagi memenuhi

permintaan terhadap peranti berkenaan sekali gus menyumbang kepada aktiviti penyeludupan skala besar.

"Kami sedia maklum dengan kes penyeludupan vape ini. Terdapat beberapa kes (produk e-rokok dan cecair vape nikotin) tidak diikrar keluar dari Malaysia berjaya disekat melalui imbasan lori oleh pegawai Cawangan Eksport Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

"Pegawai Bahagian Penguatkuasaan juga sentiasa mengambil peduli kes yang berlaku di sempadan Singapura seperti semakan rutin ke Facebook rasmi Immigration & Checkpoint Authority (ICA) Singapura-

ra yang melaporkan kes dagangan dari Malaysia yang ditahan di sempadan Singapura," katanya.

Beliau berkata, JKDM melalui Cawangan Risiko mempunyai *desk officer* yang bertanggungjawab dalam berkongsi maklumat di antara dua negara.

"Untuk kes penyeludupan vape di sempadan Woodlands dan Tuas Singapura, pihak berkuasa yang terbabit dalam menahan bukannya Singapura Customs (Jabatan Kastam Singa-

pura) tetapi ICA.

"Memandangkan vape tidak tertakluk kepada Perintah Kastam, maka perbuatan mengeksportnya bukan menjadi satu kesalahan di bawah Akta Kastam 1967, syarikat hanya perlu mematuhi keperluan pengikraran sahaja.

"Sebaliknya, bagi pengimportan cecair vape atau gel untuk rokok elektronik tertakluk kepada Permit Im-

port daripada Bahagian Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import).

"Seperti dijelaskan, vape bukan dagangan dalam senarai larangan eksport. Maka pemeriksaan yang lebih ketara perlu diberi fokus terhadap dagangan yang lebih berisiko seperti disenarai dalam perintah larangan eksport," katanya.



“
Pegawai Bahagian
Penguatkuasaan
juga sentiasa
mengambil peduli
Sazali



07 JAN, 2023

Tidak tertakluk Perintah Kastam

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

Kuala Lumpur: Penghara - man rokok elektronik (e-rokok) atau vape di kedua-dua negara jiran Singapura dan Thailand menyebabkan ada rakyat serta sindiket di negara ini menyeludup alatan itu bagi pasaran gelap di negara berkenaan. Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pematuhan), Datuk Sazali Mohamad berkata, peranti e-rokok dan bukan elektronik tidak tertakluk kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import dan Eksport).